

12/10/1997

IT: Rakyat diajak sokong kerajaan

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak seluruh rakyat Malaysia termasuk pembangkang, menyahut panggilan untuk berjuang dan menyokong inisiatif kerajaan dalam menggunakan Teknologi Maklumat (IT).

Sambil meminta rakyat menerapkan tekad menghadapi dunia tanpa sempadan itu, Perdana Menteri berkata, adalah menjadi tanggungjawab seluruh rakyat untuk berusaha merealisasikan impian itu tanpa menunggu ia datang bergolek.

"Kerajaan memberi komitmen untuk berperanan aktif bagi mengapai cita-cita dalam menggunakan kuasa IT. Kita bukan sahaja akan menyediakan kepemimpinan dari atas ke bawah yang diperlukan untuk memajukan pembangunan IT, tetapi juga akan membawa masyarakat melonjak bersama."

"Melalui pendekatan dua hala ini, kerajaan akan bertindak sebagai penggerak pembangunan IT," katanya ketika melancarkan Kempen Kesedaran Mengenai IT di Auditorium Besar Angkasapuri di sini, malam tadi.

Ucapan beliau itu disiarkan secara langsung melalui stesen televisyen dan radio tempatan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia berada dalam kedudukan terbaik untuk mengambil peluang daripada era IT, terutama melalui pengalaman 25 tahun negara dalam membangunkan industri elektrik dan elektronik yang kukuh.

Katanya, negara kita mempunyai satu tenaga kerja yang berpendidikan baik dan mudah dilatih, di samping infastruktur IT yang umumnya semakin maju.

"Tanpa ragu lagi, banyak yang perlu dilakukan sebelum kita boleh mengambil peluang IT sepenuhnya. Bagaimanapun, semua ini adalah faktor positif yang boleh melonjakkan negara ke arah satu peringkat pertumbuhan pesat yang baru," katanya.

Menurutnya, pembangunan IT yang selama ini dicanangkan kerajaan akan diuji melalui projek mega, Koridor Raya Mutlimedia (MSC) yang tetap dilaksanakan walaupun negara dilanda krisis mata wang.

Sehubungan itu, bagi memastikan kejayaan IT, katanya, kerajaan mewujudkan Agenda Informasi Maklumat kebangsaan (Nita) yang menyediakan rangka kerja bagi negara untuk bertindak terhadap IT dan revolusi maklumat.

"Demi masa depan, kita tidak boleh menjadi pemerhati sahaja terhadap revolusi maklumat ini. Kita perlu menyertai, malah menerajui. Inilah sebabnya kita meluangkan banyak masa dan usaha untuk mengembangkan industri IT tempatan yang bertaraf dunia," katanya.

Menurutnya, pembentukan Nita perlu bagi memastikan semua rakyat bersedia untuk memasuki era maklumat dan ini boleh diakukan dengan memahami IT, memanfaatkannya, merealisasikan potensi dan menggunakannya secara paling produktif.

"Tetapi, yang lebih penting, menerusi Nita, kerajaan berharap dapat membentuk satu masyarakat madani dalam bentuk Malaysia, satu masyarakat yang menguasai ilmu dan mempunyai sistem nilai tersendiri," katanya.

(END)